

DISEMBER 2022



CASSIO

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

SELAMAT TINGGAL 2022

SELAMAT DATANG

2023

FGV POWER!



FGV Diiktiraf Beberapa Anugerah ESG; Bukti Amalan Perniagaan yang Lestari

FGV terus menempa nama dengan merangkul beberapa anugerah Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dipandang tinggi pemain industri iaitu Kelas Aset ASEAN – Malaysia pada Anugerah Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN (ACGS) 2021 di Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), diikuti Anugerah Kepimpinan Pembangunan Minyak Sawit Lestari Malaysia 2022 di Anugerah Amalan Terbaik Frost & Sullivan dan Anugerah Kecemerlangan Korporat Sektor Komoditi bagi Rantaian Nilai Lestari 2022 di Anugerah International Business Review (IBR) ASEAN.



Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mengumumkan FGV sebagai salah satu daripada 54 syarikat senaraian awam (PLC) Malaysia dan merupakan antara 234 syarikat yang memperoleh sekurang-kurangnya 97.5 mata di ACGS 2021.

Anugerah ini membabitkan enam negara ASEAN iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam. Penilaian adalah berdasarkan maklumat yang tersedia

secara umum dan memenuhi piawaian tadbir urus korporat antarabangsa. Kedudukan FGV juga meningkat daripada tempat ke-70 kepada tempat ke-51 dalam Kad Skor MSWG 2021.



Anugerah ACGS membuktikan komitmen FGV dalam melaksanakan amalan perniagaan yang beretika dalam operasinya bagi mempertingkatkan reputasi dan memupuk kepercayaan di kalangan pemegang berkepentingannya. Ini sejajar dengan visi Kumpulan untuk menjadi pemain industri makanan dan perniagaan tani yang lestari di peringkat global. FGV terus berusaha untuk memperkasakan integriti dan pematuhan kepada kod tingkah laku dalam memerangi sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa.

Anugerah Amalan Terbaik Frost & Sullivan mengiktiraf syarikat terkemuka menerusi pelaksanaan inovasi dan pencapaian luar biasa dalam industri masing-masing. Melalui proses penilaian analitikal yang ketat membabitkan beberapa pencalonan lain, Frost & Sullivan memperakui inisiatif dan amalan terbaik FGV dalam memastikan pematuhan terhadap sumber dan pengeluaran yang bertanggungjawab, hak asasi manusia, piawaian buruh, perlindungan kanak-kanak, kesaksamaan jantina, ekonomi pekeliling dan pengurusan biodiversiti dan hidupan liar seperti yang termaktub dalam tonggak Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan FGV.

Berita selanjutnya:

<https://bit.ly/3WtpoP6>

EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Azmi Yaakop

EDITOR

Isnan Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias
Nur Affifah Baharim
Nurul Eisha Khairul Annuar
Nurul Sakinah Abd Aziz

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)

Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com

FGV Ceburi Perniagaan Pengangkutan Kontena, Dikuasakan oleh Trak Lori MAN Rendah Karbon, Lestari Baharu

FGV Transport Services Sdn Bhd (FTSSB) menceburi perniagaan pengangkutan kontena dengan menambah 41 unit lori MAN TGS 6x4 prime mover baharu dengan spesifikasi enjin karbon rendah Euro V.

Penambahan kepada aset FTSSB ini terdiri daripada lima unit lori MAN TGS 4x2 dan 10 unit lori 6x2 yang akan digunakan untuk pengangkutan kontena. Sementara 26 unit lori lagi adalah MAN TGS 6x4 prime mover yang sesuai untuk pengangkutan kargo. Proses pemasangan lori MAN TGS dilakukan di Serendah, Selangor oleh MAN Truck & Bus (M) Sdn Bhd (MAN Malaysia), anak syarikat milik penuh MAN Truck & Bus SE dari Jerman.

Berita penuh: <http://bit.ly/3GDEsYw>



Makmal Analitik FGV Dianugerahkan IKM Laboratory Excellence Diamond Award 2022

Tahniah!

Makmal Analitik FGV telah dianugerahkan IKM Laboratory Excellence Diamond Award 2022 atas sumbangan dan kecemerlangannya sepanjang 25 tahun penglibatan dalam industri dari tahun 1998 - 2022.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Pengerusi IKM Cawangan Selatan, ChM Yap Fei Ching kepada Mohd. Yusri Sanusi, Ketua Jabatan Perkhidmatan Makmal FGV Agri Services Sdn Bhd.

Makmal ini terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Pahang dan Pusat Penyelidikan Wilayah Sahabat, Sabah yang diuruskan oleh Ahli Kimia yang



berpengalaman dan berkelayakan serta para petugas terlatih untuk mencapai dan mengekalkan standard kualiti yang tinggi dalam semua aspek perkhidmatan yang disediakan.

Anugerah berprestij itu merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada FGVA atas pencapaian cemerlang, komitmen yang tidak

berbelah bahagi dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan analisis makmal berkualiti tinggi dan antarabangsa di Malaysia.



Lawatan Kerja di Kawasan Operasi Trolak, Serting & Krau



Tak kenal maka tak cinta. Begitulah jua inisiatif yang dilakukan pengurusan FGV yang "turun padang" bagi meninjau dan mengalami sendiri operasi seharian ladang dan kilang kelapa sawit. Diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Nazrul Mansor, pihak pengurusan FGV yang dibahagikan kepada tiga kumpulan melakukan lawatan kerja di kawasan operasi Trolak, Serting & Krau.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau dan mempelajari secara lebih

lanjut tentang operasi seharian kawasan perladangan dan kilang sawit, pengenalan tentang mekanisasi & teknologi terkini yang digunakan di ladang serta melawat kawasan operasi yang terjejas ekoran banjir, selain mengambil kesempatan ini melawat asrama pekerja serta beramah mesra dengan para pekerja, khususnya pekerja migran dan sedikit sebanyak mendalami permasalahan mereka.

Semoga usaha ini akan terus berterusan dan dipanjangkan ke

kawasan operasi lain di seluruh negara dan menaikkan semangat para pekerja untuk terus menyumbang kepada produktiviti yang tinggi atas keprihatinan yang ditunjukkan pihak pengurusan.

Terima kasih juga kepada semua Warga FGV di ladang dan kilang sawit yang terlibat kerana bersama-sama menjayakan lawatan ini.

MSM Serahkan Lebih 1,000kg Gula Prai 1kg Kepada Program re.Food Bursa Malaysia



Pada 12 Disember 2022, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) berbesar hati menyerahkan lebih 1,000kg Gula Prai 1kg kepada program pengurusan sisa makanan

utama [Bursa Malaysia] yang dipanggil re.Food, bagi menyokong [Food Aid Foundation] e.Food adalah projek pengagihan lebihan makanan yang melibatkan syarikat korporat termasuk komuniti syarikat senarai awam untuk menyumbang makanan kepada komuniti B40.

Ketua Pegawai Eksekutif FAF, Dr Dalphine Ong telah menyambut kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Tuan Syed Feizal Syed Mohamad bersama Pengarah Kelestarian Kumpulan Bursa Malaysia, Emilia Tee Yoke Hoong dan wakil daripada kedua-dua organisasi ke FAF. Dr Dalphine Ong berkongsi maklumat ringkas tentang operasi Food Aid Foundation dan membawa

tetamu meninjau kemudahan FAF termasuk studio seni bernama Heartisan – tempat FAF menganjurkan kelas seni untuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan pelarian.

Ini adalah kali kedua MSM menyokong program re.Food Bursa Malaysia, di mana tahun lepas – 2021, MSM telah menderma gula Gula Prai 1kg dalam jumlah yang sama kepada

The Lost Food Project dan diagihkan kepada lebih daripada 30 rumah amal di bawah program re.Food.

MSM amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada usaha murni ini dan berharap untuk menyumbang lebih banyak kepada komuniti yang memerlukan.

Replikasi Program Pensijilan Dalaman 5S (ICP 5S) Diperluaskan

Majlis penyampaian sijil Program Pensijilan Dalaman 5S (ICP 5S) telah diadakan pada 6 dan Disember di Kilang Sawit Mempaga, Kilang Sawit Jengka 3, Kilang Sawit Panching, dan Kilang Sawit Keratong 9.

Penyampaian sijil ini telah disempurnakan oleh wakil dari Bahagian Kecemerlangan Operasi (OE), Muhamad Afiq Masri sambil disaksikan oleh Ketua Zon 2 Tuan Haji Samsul Kamal Ibrahim, *Regional Controller Region 2*, Norzaidey Jelani, *Deputy Regional Controller Region 3*, Tuan Haji Ismail Hussain, *Deputy Regional Controller Region 4*, Hazrin Ab Dulhamid, dan Pengurus Kualiti dan Alam Sekitar *Region 1*, Mohd Ikhwani Ismail.

Inisiatif Program Pensijilan Dalaman 5S (ICP 5S) ini adalah kesinambungan daripada Konsep Model Perladangan (MPC) yang telah bermula pada 2019 di tiga buah kilang kilang contoh yang

diilhamkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi (OE) dan merupakan sebahagian daripada Inisiatif Replikasi FGV Palm Industries Sdn Bhd untuk membudayakan aktiviti penambahbaikan berterusan melalui penerapan program 5S. Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3PvSiff>



Program Penambahbaikan Berterusan (OE Green Belt) di Sektor Perladangan FGV

Sejajar dengan perancangan di dalam fasa pertama "*Plantation Operational Excellence Roadmap*" oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi (OE) untuk menerap Kecemerlangan Tahap Asas (*Brilliant at Basic*) dalam industri peladangan, melalui tiga teras iaitu *Business Process, Technology and People*. OE sebagai peneraju utama, bersama-sama dengan anak syarikat dari Sektor Perladangan – FGVPI, FGVRI dan DOP, telah memulakan inisiatif projek-projek penyelesaian masalah dan pembaikan berterusan (*continuous improvement*) di syarikat masing-masing. Bagi menjayakan matlamat tersebut, latihan yang berkaitan dengan kemahiran yang diperlukan seperti analisa data dan

ujian statistik, mengenal pasti punca permasalahan, pemilihan tindakan penyelesaian dan langkah pengawalan berterusan telah dilaksanakan secara berperingkat kepada semua kumpulan sasaran di anak syarikat terbabit mengikut pendekatan pertumbuhan organik (*Organic Growth*).



Kaizen Day Ladang Maokil 07 Wilayah Segamat, Johor



Pada 21 Disember, telah berlangsung satu majlis Kaizen Day di salah satu ladang contoh di Ladang FGV Maokil 07 bertemakan Penambahbaikan Berterusan Pemangkin Produktiviti.

Inisiatif Kaizen Day merupakan salah satu elemen kesinambungan daripada program 5S dan sebahagian pelan jangka panjang Konsep Model Perladangan (MPC) yang diilham dan dibangunkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi (OE), Sektor Perladangan.

Kaizen adalah pendekatan penambahbaikan berterusan yang mengenalpasti dan mengurangkan pembaziran serta meningkatkan nilai tambah dari segi aspek produktiviti, kualiti, kos dan keselamatan dalam operasi seharian. Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3k51agp>

FGV Fun Run di Krau Sempena Hari Migran Sedunia 2022

Bersempena dengan Hari Migran Sedunia 2022, FGV telah menganjurkan program FGV Fun Run 2022 di Krau, Pahang.

Larian disertai lebih 200 peserta terdiri daripada pengurusan FGV, pengurusan estet dan warga FGV, serta pekerja migran daripada Indonesia, India dan Bangladesh.

Turut hadir, TYT Hermono, Duta Besar Republik Indonesia ke Malaysia dan juga Encik Prashant Kumar, Atase Buruh Suruhanjaya Tinggi India.

FGV juga berkesempatan melancarkan kempen #FGVPrihatin yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan

pemahaman tentang saluran aduan atau rungutan yang boleh digunakan oleh semua pekerja migran.

Ini adalah bukti komitmen FGV bagi memastikan hak serta kebajikan semua pekerja, termasuk pekerja migran, dilindungi dan mempunyai akses kepada persekitaran kerja yang adil dan saksama.



Seminar Perladangan Bincang Pasaran dan Kesukaran Ekonomi

Satu seminar perladangan telah dianjurkan oleh Sektor Perladangan bersama-sama dengan Jabatan Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan pada 14 Disember, di Hotel Sama-Sama, Sepang.

Para peserta yang terdiri daripada kedua-dua bahagian menghadiri majlis tersebut, yang diarahkan oleh

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan, Mohd Sarian Md Sahid. Ketua Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan, Wan Norman, turut menyampaikan ucapan alu-aluan.

Acara ini memberi peluang kepada para peserta membincangkan perspektif mereka mengenai pasaran dan kesukaran ekonomi dalam tempoh yang tidak menentu, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan (VUCA).



Semasa seminar itu, beberapa penceramah dari pelbagai syarikat korporat dan bidang telah membentangkan topik seperti prospek ekonomi

global untuk 2023-2027, prospek pasaran komoditi, keuntungan perdagangan dengan barat, menembusi rantau MENA, pengalaman Pengurusan Risiko Top Glove, cabaran dalam perdagangan komoditi dan pasaran runcit, kepentingan SDG dalam perniagaan, menggunakan SDG sebagai USP, mengurangkan risiko melalui SDG sebagai prinsip perniagaan teras, kebolehlaksanaan perniagaan rentas sempadan, menembusi pasaran runcit FMCG, serta undang-undang dan peraturan.

Selepas seminar tersebut, bengkel turut diadakan selama dua hari untuk menyemak profil risiko melalui proses penilaian risiko berdasarkan piawaian ISO 31000.

Program Team Building Kumpulan Kewangan FGV & FGV Capital Pupuk Semangat Kerja Berpasukan



Kumpulan Kewangan FGV Holdings dan pasukan FGV Capital bergabung di dalam program Team Building yang berlangsung pada 12 hingga 14 Oktober di Hotel Thistle, Port Dickson. Pelbagai aktiviti diadakan termasuk permainan secara berpasukan yang melibatkan seramai 68 orang petugas.

Program tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang, ia memupuk semangat berpasukan yang memerlukan gabungan kemahiran individu untuk menjayakan tugas berkumpulan yang diberi. Aznur Kama

Azmir, Ketua Kewangan Kumpulan menekankan bahawa kerja berpasukan adalah keupayaan untuk berkerjasama ke arah mencapai visi yang sama. Beliau turut berkongsi mantera yang membakar semangat berpasukan iaitu *"If you want to go fast, go alone. If you want to go far, go together!"*.

FGVSSC Sinergi Retreat 2022



FGV Shared Services Centre Sdn Bhd (FGVSSC) telah menganjurkan program pengukuhan kerja berpasukan yang diadakan di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Bentong Pahang. Seramai 76 orang petugas terdiri daripada bahagian Pentadbiran, Operasi Kewangan, Operasi Sumber Manusia dan Strategi & Peningkatan Proses telah menyertai program ini selama tiga hari.

Aznur Kama Azmir selaku Ketua Kewangan Kumpulan turut hadir meluangkan masa bagi menyertai program tersebut bersama para petugas FGVSSC.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun dan dijalankan oleh syarikat perunding acara Radiant Retreat Sdn Bhd bagi mencapai objektif program ini iaitu untuk mengukuhkan kerjasama dan

mewujudkan sinergi di kalangan petugas di semua peringkat di FGVSSC.

Penganjuran program ini dapat menjadi satu titik tolak ke arah proses penambahbaikan dalam organisasi dari aspek seperti hubungan dan komunikasi, meningkatkan kemahiran dalam

membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

Peningkatan prestasi dan kualiti petugas merupakan salah satu usaha yang berterusan agar dapat mencapai matlamat FGVSSC sebagai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi dan dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

FGV Sumbang RM5 Juta Untuk Bantuan Banjir



Tabung ini diuruskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bantuan sumbangan itu diserahkan oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi

Seksyen Logistik NADMA.

Dato' Dzulkifli berkata, "Sumbangan FGV kepada NADMA adalah sebahagian daripada komitmen FGV untuk memberikan bantuan sementara kepada masyarakat ketika mereka betul-betul memerlukannya.

Kini kita sekali lagi dilanda musim tengkujuh dan bencana alam terutamanya banjir boleh berlaku pada bila-bila masa. Sebagai warga korporat yang prihatin, kami berharap agar sumbangan ini dapat membantu meringankan beban mangsa banjir untuk meneruskan kehidupan mereka."

Berita selanjutnya:

<https://bit.ly/3XvWUVI>

FGV Holdings menyumbangkan RM5 juta kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (TTBN) untuk membantu mangsa banjir terutamanya di beberapa lokasi yang telah dilanda banjir.

FGV kepada Datuk Armizan Mohd Ali, (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas –tugas Khas) disaksikan oleh Encik Mohd Khairi Abd Ghani, Pengarah

FGV Beri Bantuan Makanan Asas Produk Keluaran FGV Kepada Penduduk Terengganu



terjejas akibat banjir.

Misi yang diketuai Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi Kumpulan FGV mengagihkan sebanyak 1,000 beg yang mengandungi bantuan makanan asas produk keluaran

garam gunung SAJI, mi segera SAJI, pelbagai sos dan susu berperisa SAJI kepada mangsa banjir.

Jusman Ibrahim, Pegawai Daerah Pejabat Daerah Dungun, Terengganu turut membantu mengagihkan bantuan tersebut kepada ketua-ketua kampung yang terlibat dalam bencana banjir.

Bagi membantu misi menyelamatkan, FGV turut menyumbang sebuah bot penyelamat kepada penduduk Felda Seberang Tayor melalui Ketua Penerokanya, Alimun Daud.

Misi Bantuan Banjir FGV ke Terengganu bagi menghulurkan bantuan kepada penduduk yang

FGV seperti minyak masak SAJI, beras wangi Horeca, gula PRAI, santan SAJI,

Ladang Sawit PPPTR Terima Anugerah MSOSH Gold Class

Ladang Sawit PPPTR, FGV Agri Services Sdn Bhd telah dianugerahkan MSOSH Award Gold Class di Majlis Makan Tengah Hari Anugerah MSOSH ke-240 yang telah diadakan di Sunway Resort & Spa pada 21 Dis 2022.

Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MSOSH (Anugerah MSOSH) ialah anugerah tahunan yang disampaikan kepada organisasi di Malaysia dengan prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) yang terbukti



cemerlang sejak 1982. Syarikat yang diaudit tertakluk kepada audit pengesahan dokumen dan tapak yang ketat oleh panel

MSOSH yang berkelayakan dan juruaudit yang berdedikasi untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Teknikal MSOSH berdasarkan keupayaan dan kecekapan mereka untuk anugerah masing-masing.

Anugerah berprestij ini adalah satu pengiktirafan dan penghargaan atas pencapaian cemerlang FGVAS dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

Majlis Konvokesyen Program *Young Shapers* (Batch 2)



Seramai 30 orang peserta dari Young Shapers Programme telah menerima Anugerah Diploma Eksekutif dalam Kepimpinan Pengurusan Projek di Majlis Konvokesyen Asia Metropolitan University (AMU) yang telah berlangsung dengan meriahnya di Amansari Residence Resort, Johor.

Young Shapers Programme adalah sebuah program untuk memupuk

kecekapan peserta yang dipilih dari segi pengurusan projek agar kelak mereka dapat menjadi individu yang mempunyai pemikiran yang strategik dalam menghasilkan sebuah projek bagi meningkatkan mutu perniagaan syarikat FGV.

Majlis Graduasi ini dimulakan dengan ucapan aluan Naib Canselor Asia Metropolitan University, Prof Dr

Mohamad Khan Jamal Khan dan disusuli dengan ucapan dari Prof Datuk Dr Megat Burhainuddin Megat Abdul Rahman, Pengerusi Ahli Lembaga Pengelola.

Sesi graduasi telah disempurnakan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengelola, Prof Datuk Dr Megat Burhainuddin Megat Abdul Rahman.

Majlis Konvokesyen tersebut berakhir dengan sesi bergambar para graduan bersama Rajan a/l Subramaniam (Ketua, Latihan & Pembangunan) dan Adi Azam Abdul Wahab (Pengurus Kanan, Pembangunan Kepimpinan).

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada peserta *Young Shapers Programme* yang telah menerima Anugerah Diploma Eksekutif dalam Kepimpinan Pengurusan Projek.

Kejohanan Golf Jemputan FGV 2022



FGV Trading meneruskan inisiatif menghargai pihak berkepentingan syarikat, dengan menjemput wakil-wakil pihak kementerian dan agensi-agensi ke Kejohanan Golf Jemputan FGV 2022.

Kejohanan yang berlangsung pada 11 Disember 2022 di The Mones Resort & Golf Club di Seri Kembangan, Selangor menerima lebih 70 penyertaan yang sekaligus menunjukkan sokongan padu mereka kepada syarikat.

Delima Oil Products telah menaja lebih kurang 90 kotak hadiah berisi barangan keluaran syarikat yang sekaligus dapat mempromosikan FGV sebagai syarikat pengeluar makanan.



Parent's Support Day



Kemunculan anak-anak didikan Taska FGV tampil menari membuatkan penonton dari kalangan ibu bapa begitu terhibur dan suasana kecoh dengan gelak tawa mereka. Kelelah anak-anak ketika membuat persembahan sempena *Parents' Support Day* anjuran Taska FGV pada



22 Disember benar-benar menggamatkan keadaan.

Pelbagai aktiviti turut disediakan termasuk permainan yang menguji ketangkasan fizikal dan mental anak-anak, saringan perkembangan mengikut peringkat umur serta sesi



konsultasi dengan pakar kanak-kanak. Semoga program saringan yang disediakan dapat membantu ibu bapa merancang pendidikan anak-anak selaras dengan perkembangan mereka.

Tahniah FGVAS Terima Anugerah Pensijilan ISO 9001-2015 di Majlis SIRIM Industri 2022

Pada 1 Disember, telah berlangsung Majlis SIRIM Industri 2022 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Acara tahunan yang berprestij ini dianjurkan oleh SIRIM QAS International bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan publisiti kepada organisasi atau syarikat yang telah berjaya memperolehi pensijilan di bawah skim-skim pensijilan SIRIM, mewujudkan kesedaran perkembangan terkini sistem-sistem pengurusan Kualiti, Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Pelabelan Eko serta Pensijilan

Barangan serta mengeratkan hubungan dan jaringan perniagaan di antara Kumpulan SIRIM Industri tempatan dan antarabangsa.

FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS) merupakan salah satu organisasi yang mendapat pengiktirafan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001-2015 untuk produk-produk yang dikeluarkan oleh FGVAS terutamanya Pengeluaran Biji Benih Sawit, Racun Tikus, dan Metarhizium.

Untuk mendapatkan pensijilan ini, setiap tahun FGVAS telah menjalani Audit Dalaman dari Auditor yang dilantik oleh Jabatan *Quality & Safety* dan Audit luar untuk pensijilan oleh pihak SIRIM untuk memastikan terdapat penambahbaikan secara berterusan. Dengan pengiktirafan Pensijilan ISO 9001 sejak tahun 2006 ini, akan dapat terus meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kualiti produk atau perkhidmatan yang dikeluarkan atau ditawarkan oleh FGVAS.



Di majlis penyampaian sijil ini, FGVAS telah diwakili oleh Tuan Hj Sapudin Shukur, Ketua Bahagian Kualiti & Keselamatan (R&D Division) bagi pihak CEO FGVAS. Turut hadir Zaharuddin Mohd Said, Ketua di PPPT, Mustazah Mohamad, Ketua Pembangunan Perniagaan, Tuan Hj Abdul Rahim Ahmad, Ketua Bahagian Kewangan (FGVAS) serta wakil-wakil dari *Seed Production Unit* (SPU) dan *Manufacturing Operation Department* (MOD).



Majlis Graduasi Kumpulan Perolehan



Tahniah kepada Champion Kumpulan Perolehan di Majlis Graduasi yang diadakan pada 14 Disember bertempat di tingkat 18, Wisma FGV

MPOB Anjur Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2022



Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2022 anjuran MPOB di Hotel Pullman, Miri telah disempurnakan oleh YB Datuk Willie Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. YB Datuk Willie Mongin turut meluangkan masa beramah mesra bersama peserta yang terdiri daripada pekebun kecil sawit Malaysia dan melawat tapak pameran termasuk ke *booth* FGV Agri Services.

Turut hadir ke persidangan ini dan meluangkan masa bersama peserta di

booth FGV adalah Y.Bhg Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV dan Tuan Hj. Kasmuri Sukardi, Ahli Lembaga Pengarah FGV Holdings Berhad. Dianggarkan seramai lebih 1000 telah menyertai Persidangan Pekebun Kecil Kebangsaan dari seluruh Malaysia.

Pihak FGVAS telah berkesempatan untuk turut serta memberi penerangan berkaitan kepentingan amalan pertanian yang baik di ladang sawit dengan penggunaan produk –

produk keluaran FGVAS. Paling mendapat perhatian adalah produk terbaru iaitu *Weed Solut-ion*. *Weed Solut-ion* adalah produk kawalan rumpai dalam bentuk cecair dimana penggunaannya dilihat mampu membantu pekebun kecil sawit menguruskan rumpai secara lestari dan mengurangkan kos merumpai sebanyak 30%.

Pada persidangan ini juga, peserta persidangan iaitu Ali A. Jakar telah menerima Anugerah Pekabun Kecil Persendirian Terbaik (Semenanjung Malaysia). Wakil FGVAS sempat menemubual beliau dan melalui perkongsian tersebut, bahan tanaman sawit FGV telah digunakan iaitu Yangambi ML161 dengan hasil buah tandan segar (BTS) adalah 41.92 tan/ha (2021), 42.55 tan/ha (2020) dan 36.41 tan/ha (2019). Ini merupakan hasil yang amat baik.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada beliau.

Hari Integriti FGV 2022

Pada 12 hingga 14 Disember yang lalu, Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko telah menganjurkan Hari Integriti FGV 2022. Pelbagai program disediakan untuk petugas-petugas FGV di samping cenderahati penghargaan sempena kehadiran dan hadiah-hadiah untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Pada hari pertama, program dimulakan dengan Kuliah Zohor yang bertajuk Jihad Integriti disampaikan oleh Ustaz Pahrol Mohd Juoi.

Seterusnya, pada 13 Disember, Pameran Integriti telah diadakan di Lobi Wisma FGV bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Pada hari tersebut, terdapat juga Ceramah Integriti bertajuk Duit Kopi, Pahit @ Manis yang disampaikan oleh Tn. Hj. Celemans Hj. Kassim, daripada



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Program diakhiri dengan Kuliah Zohor bertajuk Rasuah itu Haram yang telah disampaikan oleh Ustaz Long Kekik. Semoga program seumpama ini dapat

diteruskan lagi dalam memberi kesedaran bagi membudayakan integriti dalam kehidupan seharian dan dapat diterapkan dalam pekerjaan kita semua.

Taklimat oleh Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP)

15 Disember/Wisma Tani, Putrajaya

YB Tuan Haji Mohamad Bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerima taklimat daripada Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP). Taklimat disampaikan oleh YBhg. Datuk Azman Mahmood berkaitan dengan perkembangan industri padi dan beras negara. Turut serta menyampaikan taklimat adalah En. Abdul Razak Aya, Ketua Pertanian Bersepadu FGV.



"Let's Stay Healthy Together"

26 November 2022 /KPJ Specialist 2

Telah bersama menjayakan kempen "Let's Stay Healthy Together" bersempena Hari Diabetes Sedunia bulan ini, yang dianjurkan oleh KPJ Healthcare dengan kerjasama Central Sugars Refineries Sdn. Bhd. (CSR). Kempen #SamaSamaSihat adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hidup sihat dan pengambilan gula yang bertanggungjawab. Acara ini menampilkan selebriti tempatan, Marsha Milan, Victor Ng, Ketua Pegawai Operasi CSR, disertai syarikat makanan Malaysia terkemuka seperti Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd., Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd. dan Federal Oats Mills Sdn Bhd



SOP Development & Workshop Training

22-23 November/FGVIF Selayang

Program ini telah disertai oleh kakitangan ALMA bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan pengendalian SOP yang lebih efisien untuk setiap tugas



Learning Need Analysis

Sepanjang bulan November, Jabatan Sumber Manusia FGV telah menjalankan program *Learning Need Analysis* (LNA) secara berperingkat. Program ini dibuat khusus untuk semua petugas FGVIF dan telah dijalankan dengan jayanya.



Introduction and Training on Occupational Safety and Health (OSH)

3 November/Tanjung Karang

Hari ini telah dilaksanakan Kursus "Introduction and Training on Occupational Safety and Health (OSH) for Operation Paddy and Rice Division Sungai Burong and Seberang Perak Branch". Seramai 8 orang kakitangan telah menyertai kursus ini. Terima kasih kepada OSH Coordinator Paddy & Rice, Faris yang telah memberi kursus dalaman kepada kakitangan P&R FGVIF. Semoga keselamatan dalam pekerjaan dapat ditingkatkan dan dijadikan amalan keutamaan.



PEMILIHAN AJK ZON **KSFGV**

Jangan lepaskan peluang untuk mencalon dan mengundi!

JAWATAN YANG DIPERTANDINGKAN

Pengerusi Zon
Timb. Pengerusi Zon
Setiausaha
Pen. Setiausaha
Bendahari
Ahli Jawatankuasa Zon (3)

Hanya ahli KSFGV sahaja yang layak mencalon dan mengundi

**TARIKH PENCALONAN &
TARIKH UNDIAN AKAN DIUMUMKAN**

"KSFGV KELAB KITA BERSAMA"

PERTANDINGAN LINKEDIN SELAMAT TINGGAL 2022: 5 DETIK TERBAIK 2022 DI FGV

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua petugas FGV.
2. Peserta perlu mempunyai akaun LinkedIn yang aktif dan mengikuti halaman LinkedIn FGV Holdings Berhad.
3. Untuk menyertai pertandingan ini, peserta mesti menyiarkan status LinkedIn dengan hashtag #FGVPRIDE2022 dan 5 foto yang merakam detik-detik terbaik anda pada tahun 2022 bersama FGV. Dalam posting tersebut, foto-foto tersebut perlu memaparkan wajah anda. Anda juga dikehendaki menerangkan sebab anda memilih foto-foto tersebut. Anda juga perlu e-melkan link url status yang telah dimuatnaik ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com
4. Bahasa yang digunakan bolehlah di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, jelas dan mudah difahami.
5. Pertandingan ini akan berlangsung dari 19 Januari hingga 10 Februari 2023. Penyertaan yang dihantar selepas tempoh ini tidak akan diterima.
6. Hanya satu penyertaan individu sahaja dibenarkan bagi setiap peserta.
7. Pihak FGV berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat pertandingan.
8. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta membenarkan pihak penganjur untuk menggunakan nama, maklumat dan foto peserta bagi tujuan promosi.
9. Tiga (3) penyertaan terbaik akan dipilih sebagai pemenang berdasarkan kriteria pemarkahan berikut ;

BIL	SKOR PEMARKAHAN	MARKAH
1.	Pemarkahan Juri: Kreativiti foto dan status	40
2.	Pemarkahan Juri: Keberkesanan mesej	40
3.	Bilangan like	20
JUMLAH		100

Tarikh tutup: 10 Februari 2023

**Hadiah Menarik
Gold Wafer Coin!**

